

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

KENYATAAN MEDIA

MURID TERJATUH BANGUNAN, JPN PERAK DOAKAN KESEMBUHAN, PASTIKAN KEBAJIKAN KELUARGA TERPELIHARA

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak prihatin terhadap insiden seorang murid terjatuh bangunan di sebuah sekolah di negeri ini seperti yang dilaporkan media.

Murid berkenaan kini sedang mendapat rawatan di hospital. Semoga beliau dikurniakan kesembuhan segera dan keluarga diberi kesabaran serta ketabahan dalam menghadapi ujian ini.

Kes ini sedang berada dalam siasatan pihak polis. JPN Perak memberi kerjasama penuh kepada proses siasatan yang sedang berjalan. Pada masa sama, siasatan dalaman turut dilaksanakan bagi meneliti setiap perkara yang berkaitan.

JPN Perak telah mengambil tindakan bagi memastikan kebajikan dan bantuan terbaik kepada keluarga murid. Sokongan psikososial turut diberi kepada warga sekolah yang terkesan.

Masyarakat diminta untuk memberi ruang kepada siasatan pihak berkuasa dan menghormati sensitiviti keluarga yang sedang berhadapan ujian pada ketika ini.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
23 JUN 2026**